

Perpaduan Berpaksikan Titik Kesamaan Fungsi pelbagai Agama Dengan Mengambilira Islam Sebagai Agama Rasmi di Malaysia

Dr Nur Azuki Yusuff¹, Dr Tan Hong Cheng², Dr Kevin Fernandez dan Dr Yohan Kurniawan³

Abstrak

Strategi kesepaduan sosial perlu memberi komitmen kesamaan fahaman panduan hidup beragama. Kertas ini mengetengahkan titik kesamaan Fungsionalisme nilai berpaksikan Islam sebagai Agama Rasmi Negara dan acuan peradaban bangsa Malaysia. Semua agama di Malaysia berpegang kepada 'fungsionalisme' yang sama iaitu Sokongan ke Arah Perpaduan Keperluan Tadbir Urus yang baik dan kecintaan kepada keamanan. Pendekatan yang difokuskan merujuk kepada kesamaan fungsi berdasarkan ajaran Islam dari sudut menghayati asas hubungan sosial Islam, mematuhi prinsip kebebasan beragama, mengelakkan ekstremisme, chauvanisme dan fanatisme, berdialog secara aman dan bijaksana, menerima bahawa semua manusia dari keturunan yang sama, satu kemanusiaan dan keadilan sejagat, aplikasi adab dan prinsip-prinsip Islam yang mengikat etnik dan agama, seterusnya konsep kejiranan.

1.0 Pendahuluan

Perbincangan ini mengetengahkan strategi kesepaduan sosial masyarakat melalui penerimaan kesamaan satu daripada keperluan hidup beragama iaitu Fungsionalisme nilai kemanusiaan. Agama Islam, Kristian, Hindu, Buddha, Sikh, kepercayaan Konfusius, Toisme dan selainnya berpegang kepada 'fungsionalisme' yang sama mengambilira keperluan asasi semulajadi manusia, warisan, kesejahteraan, keselamatan dan perpaduan sejagat serta mengambilira nilai-nilai moral sejagat; baik hati, berhemah, berbudi, benar, jujur, rajin, kerjasama, semangat bermasyarakat yang mampu menyelesaikan konflik nilai.

Merujuk kepada pelbagai definisi agama yang dikemukakan oleh para intelektual,⁴ secara ringkasnya ia boleh dilihat dari dua sudut; iaitu substantif dan fungsional. Sudut yang pertama melihat agama dari segi bentuk dan amalannya. Manakala sudut kedua melihat agama dari sudut fungsi dan tujuan kewujudan agama tersebut. Pandangan yang dipaparkan dalam kertas ini turut mengambilira pandangan para penulis buku hubungan etnik keluaran terbaru KITA, UKM.

¹ Pensyarah Kanan, Pusat Kanan Bahasa dan Pembangunan Insaniah UMK.

² Pensyarah Kanan UiTM, asalnya beragama Buddha, kemudian memeluk Islam dengan nama Iskandar Hasan Tan Abdullah.

³ Pensyarah Kanan UMK, Dr Kevin adalah seorang India Malabar beragama Kristian manakala Yohan Cina beragama Kristian.

⁴ Wilfred C. Smith (1962) menyatakan sukarnya mentakrifkan agama secara tepat. Agama dari segi bahasa boleh disamakan dengan *religion* (bahasa Inggeris) dan *religie* (bahasa Belanda) yang diambil dari, *religio* dan *religare* (bahasa Latin) yang bererti mengikat. Maksudnya, agama adalah ketentuan hidup manusia berdasarkan satu ikatan antara alam rohani dengan alam ghaib yang berkuasa terhadap dirinya dan dunia yang diketahuinya dan juga terhadap "siapa" yang ia rela memperhambakan diri (Smith 1963:351). Sarjana klasik dan ahli antropologi yang tersohor, E.B.Tylor (1903) mentakrifkan agama sebagai kepercayaan kepada makhluk halus. Sementara Durkheim (1915: 47) pula berpendapat, agama sebagai satu sistem kepercayaan dan amalan yang bersepadu berhubung dengan benda-benda suci. Dari perspektif antropologi, agama merupakan set peraturan yang mengatur hubungan manusia dengan kuasa ghaib, khususnya dengan Tuhan. Agama juga merupakan suatu sistem keyakinan yang dianut dan amalan yang diwujudkan oleh suatu kelompok atau masyarakat dalam mentafsirkan dan memberi respons terhadap apa-apa yang dirasakan dan diyakini sebagai yang ghaib dan suci. Antara agama dan kepercayaan besar yang terdapat di dunia sekarang ialah Islam, Kristian, Buddhisme, Hinduisme, Sikhisme, Jainisme, Judaisme, Shinto, Bahai dan Zoroastrianisme. Selain itu, ada juga sistem kepercayaan suku kaum primitif yang terasing dan terpisah di kawasan dunia yang berlainan dan berkembang secara bebas tanpa hubungan sejarah antara satu sama lain seperti pra animisme, animisme, fetisisme, shamanisme, dan totemisme.

2.0 Pengenalan Fungsionalisme dan Kehidupan beragama

Fungsionalisme dari sudut terminologi bahasa dari perkataan 'fungsi' yang memang jelas maksudnya. Manakala dalam konteks pembentukan teori, Parsons (1975) merupakan pelopor dalam pembentukan teori ini. Teori Struktur Fungsionalisme membayangkan individu bertindak kepada insentif dan dikawal oleh hukuman dan denda. Individu mengejar kepentingannya, tetapi masyarakat mengikat kepentingan ini dalam satu pola yang sama sebab wujudnya pembahagian buruh dan individu juga berkongsi nilai bersama yang memakmurkan dan mensejahterakan masyarakat. Secara lebih terperinci, fungsional boleh dilihat dalam soal kepentingan setiap individu beragama nanti.

Kehidupan beragama ialah kehidupan individu, masyarakat atau kelompok yang berdasarkan pada norma dan kepercayaan sesuatu agama. Fenomena ini terjadi apabila ia memenuhi lima syarat iaitu adanya suatu kepercayaan atau pandangan teologi tertentu, adanya amalan keagamaan, adanya pengalaman keagamaan, memiliki pengetahuan keagamaan dan adanya komitmen agama berkaitan dengan pengetahuan dalam bidang tersebut. Contohnya kehidupan beragama dalam kalangan golongan intelektual adalah berbeza dengan orang awam. Ini kerana mereka mengabdikan diri kepada Tuhan melalui penggunaan pengetahuan dan keyakinan yang mendalam sedangkan orang awam beragama hanya bersifat taklid (ikutan). (Dr. Ismail, UUM)

3.0 Peranan Fungsionalisme dalam Agama

Agama wujud bersama fungsinya, kebanyakan pengkaji sejarah agama sependapat bahawa ia merupakan keperluan asasi manusia. Oleh sebab itu, semua entiti masyarakat di dunia ini mempunyai agama dan kepercayaan. Kepercayaan kepada agama merupakan sifat sejagat bagi seluruh manusia sama ada manusia moden ataupun primitif. Pemikiran tentang agama sudah wujud dalam diri manusia sejak mereka lahir lagi.

Selain naluri semulajadi, manusia mengamalkan agama kerana warisan kebudayaan, faktor keselamatan, kesejahteraan, mengukuhkan ikatan persaudaraan dan mencari jawapan pada persoalan yang sukar dijawab.

Warisan kebudayaan merupakan faktor utama menentukan agama seseorang manusia. Selalunya individu akan menganut agama yang dianuti oleh keluarga, suku kaum atau etnik yang diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi berikutnya. Misalnya, rata-rata etnik Melayu menganut agama Islam kerana keluarga dan nenek moyang mereka beragama Islam.

Faktor keselamatan juga memainkan peranannya kerana apabila memeluk sesuatu agama seseorang berasa selamat dan percaya bahawa kuasa agung yang dipercayainya akan menjaga keselamatannya. Kuasa agung juga menjadi tempat mengadu hal serta mendapatkan pertolongan dan perlindungan.

Faktor kesejahteraan di akhirat juga adalah penting kerana kebanyakan agama menjanjikan kesejahteraan di akhirat kepada penganut yang patuh kepada ajaran agama masing-masing.

Faktor lain adalah kerana agama merupakan jawapan terhadap persoalan kehidupan yang sukar dijawab. Persoalan mengenai manusia dan hakikat diri, alam sekitar dan pengalaman ghaib yang tidak dapat dijangkau oleh akal fikirannya, semuanya dijawab oleh agama. Tegasnya, agama akan memberi jawapan kepada pertanyaan yang sukar dijawab oleh akal.

Agama diminati kerana agama merupakan elemen pengukuhan ikatan persaudaraan. Mengikut Durkheim (1915) kepercayaan dan amalan yang sama dalam sesuatu agama akan menyatukan semua anggota yang menganutinya dalam satu komuniti bermoral. Dari kaca mata ahli fungsionalis juga, agama mempunyai fungsi peribadi kepada pemeluknya kerana agama memberi darjat jaminan yang menenteramkan.

Agama menimbulkan keberanian kepada manusia ketika dicengkam ketakutan, memberikan kegigihan dalam kesukaran, kekuatan pada saat-saat manusia dalam keadaan lemah dan meringankan beban jiwa dalam menghadapi kekecewaan. Agama memberi harga diri dalam menelan kekalahan, kerendahan hati apabila sedang berjaya dan juga kepekaan hati nurani.

Sementara peranan agama dalam kehidupan sosial adalah sebagai asas moral, kesenian, kebudayaan, kesusasteraan dan kewujudan tamadun bagi sesuatu bangsa dan masyarakat.

Perbincangan seterusnya cuba menampakkan kesatuan fungsional pelbagai aliran kepercayaan. Selain itu, titik kesamaan Fungsionalisme nilai manusia beragama ketara lain ialah:

3.1 Sokongan ke Arah Perpaduan.

Semua agama percaya usaha perpaduan adalah aspirasi semua agama. Contohnya dalam Islam, Allah s.w.t. berfirman:

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ
وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِي مَا اخْتَلَفُوا فِيهِ
وَمَا اخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَ تَهُمُ الْبَيِّنَاتُ بَعِيًّا
بَيْنَهُمْ فَهَدَى اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا لِمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِهِ
وَاللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٢١٣﴾

Bermaksud: “Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut ugama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan Syurga, dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka); dan Allah menurunkan bersama Nabi-nabi itu Kitab-kitab Suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan dan (sebenarnya) tidak ada yang melakukan perselisihan melainkan orang-orang yang telah diberi kepada mereka Kitab-kitab Suci itu, iaitu sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata, – mereka berselisih semata-mata kerana hasad dengki sesama sendiri. Maka Allah memberikan petunjuk kepada orang-orang yang beriman ke arah kebenaran yang diperselisihkan oleh mereka (yang derhaka itu), dengan izinNya. Dan Allah sentiasa memberi petunjuk hidayahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus (menurut undang-undang peraturanNya).” (al Baqarah 2: 213)

Secara jelas Allah menegaskan bahawa manusia sejagat adalah satu. Perpecahan (akidah) adalah pilihan manusia, namun kasih sayang Allah menyebabkan petunjuk sentiasa diberikan. Islam mengiktiraf orang bukan Islam yang tinggal di dalam negaranya atas maksud pluraliti. *Ahli zimmah* (damai melalui perjanjian @ jaminan keamanan) berhak menjadi warganegara yang sah seperti warga Islam. Hak dan tanggungjawab yang perlu dipatuhi dan ditunaikan bersama. Kejadian Manusia pelbagai bangsa dan etnik adalah kerana;

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang lebih taqwanya (bukan yang lebih keturunan dan bangsanya), sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Mendalam PengetahuanNya” (Surah al-Hujurat 49: 13)

Islam adalah untuk seluruh manusia tidak khusus untuk etnik atau bangsa tertentu. Kepelbagaian bukan satu halangan. Pluraliti adalah untuk berkenal dan saling menolong

dalam perkara kebajikan. Pluraliti Masyarakat Madinah diikat atas perundangan; "Piagam Madinah" kontrak sosial antara nabi Muhammad s.a.w dengan masyarakat Madinah.

Ibn Khaldun (*al-Muqaddimah*) berpandangan 'asabiyah; adalah faktor kebangkitan sekiranya berpegang konsep *unity* dan kejatuhan sesebuah peradaban sekira berpaksikan *chauvinisme* dan *rasisme*. *Asabiyah* berkonsep (*unity*) yang ditekankan ialah ikatan persaudaraan, semangat setiakawan dan saling membantu selaras dengan tuntutan Islam. Ia juga tidak menyalahi konsep *Unity in Diversity*⁵ (bersatu dalam kepelbagaian).

Kepercayaan **Taoisme** (Tao Chia), Para saminya melihat berbagai-bagai tuhan adalah manifestasi daripada Tao yang disebut dalam meditasi dan digambarkan dalam bentuk patung-patung. Chung Tzu berkata:

"Manusia bijak dapat melihat di sini, semuanya sebagai kegelapan. Ia dapat mendengar semuanya sebagai keheningan.

"Dalam kegelapan ia sendiri melihat cahaya. Dalam keheningan ia sendiri dapat menemukan harmoni" (dipetik oleh S.H Nasr, 1997).

Konfusianisme; Konfusius melihat peranan pendidikan adalah untuk membentuk cendekiawan dan junzi. Peranan junzi ialah mempelajari ilmu, memperbaiki diri dan mentadbir manusia. Peranan Shi (cendekiawan atau bakal Jun zi) adalah pembantu kepada junzi dan penglibatan dalam pengajaran serta kerja-kerja lain. Dalam proses pembelajaran ada empat ciri utama yang ditekankan oleh Konfusianisme, iaitu banyak mendengar, banyak melihat, banyak bertanya dan banyak mengenali. Konfusius menekankan sikap jujur dalam pembelajaran. Beliau berkata dalam Lun Yu; "Ketahuilah ketahuilah, tidak ketahuilah ketahuilah tidak ketahuilah, itu adalah ilmu pengetahuan" (Dr. Ubaidullah Mohd Nasir, 2000). Beliau juga berkehendakkan pelajarannya jangan melakukan empat jenis kesalahan, iaitu jangan buruk sangka, jangan terlalu pasti, jangan terlalu bertegas dan jangan terlalu keakuan (Dr. Ubaidullah Mohd Nasir, 2000). Konfusius menekankan penggabungan antara pembelajaran dengan berfikir, katanya;

"Belajar tanpa berfikir adalah sia-sia dan berfikir tanpa belajar adalah berbahaya" (Lun Yu).

"Sepanjang hari tidak makan, sepanjang malam tidak tidur untuk berfikir, tidak berguna, lebih baik pergi belajar" (Lun Yu).

Keselarasan etika Konfusianisme dengan Islam dinyatakan oleh Prof. Tu Weiming (1997) berkenaan idea tentang kerajaan yang baik terhadap rakyat dan pertautan yang padu antara moral dengan kepimpinan adalah dikongsi oleh kedua-dua tradisi tersebut. Mereka juga berkongsi idea tentang perbezaan yang mendasar antara manusia dengan makhluk lain dan turut berkongsi pandangan dari sudut pengagihan keadilan, kepimpinan dan persamaan.

⁵ Konsep yang sentiasa dicanangkan oleh Prof Ulung Dato' Dr Shamsul Amri Baharudin, Pengarah Institut kajian Etnik Malaysia.

Dr. Ubaidullah Mohd Nasir (2000) turut menyimpulkan bahawa memang wujud persamaan di antara etika Konfusianisme dengan Islam dalam beberapa aspek seperti aspek pendidikan, kepimpinan, hubungan sesama manusia, kasih sayang dan hidup yang berlandaskan adat. (Osman Bakar, 1997).

Mazhab Buddha utama Hinayana (kumpulan theravada) dan Mahayana; Agama Buddha tidak mengabaikan agama lain atau mengutuk agama lain sebagai agama jahat. Buddha mengakui semua jenis agama di dunia ini dan membezakan semua agama dengan kefahamannya yang susah atau senang, bukannya dibezakan dengan mengatakan cirinya baik atau buruk. Aliran ajaran Buddha yang bersifat moral dan tidak berakidah ini juga tidak bertentangan dengan tuhan-tuhan orang Hindu. Dengan sebab itu, ramai orang Hindu mengikuti ajaran Buddha tetapi masih setia dengan tuhan-tuhan Hindu.

3.2 Keperluan Politik Pentadbiran/ Tadbir Urus.

Fungsi Pemerintahan. Bagi sesetengah negara, fungsi pemerintahan juga dijalankan melalui fungsi agama, seperti Kerajaan Mesir semasa pemerintahan Firaun. Kadang-kadang kuasa sesebuah negara diperkuat oleh institusi agama seperti yang terdapat pada zaman pemerintahan tradisional Melayu dan pada zaman Pertengahan di Eropah. Mereka kuat kerana dikaitkan dengan doktrin hak ketuhanan raja (*divine ruler*). Jadi, di sini agama amat berguna untuk memberi sokongan pada pemimpin-pemimpin serta memelihara aturan-aturan pemerintahan dan adat resam

Kepercayaan **Tao** pun menyokong keperluan ini, Tao bermaksud "jalan", "matlamat", "seni", "kepakaran". Konfusius mendefinisikannya sebagai "merujuk kepada seni memerintah negara" oleh pemerintah silam Cina seperti Maharaja King Wen dan Chou. Para Taois mendefinisikan Tao sebagai satu yang asalnya mengawal alam ini, iaitu dari permulaan, asal usul segala benda-benda ataupun boleh disebut sebagai "prima material". Tao juga boleh diertikan sebagai Way of Heaven. Ia juga boleh diertikan sebagai idea tentang kepakaran atau bakat pada perkara-perkara tertentu.

Lao Tze dan Chung Tzu (pengasas Taoisme) menegaskan rakyat menderita disebabkan pemerintah memakan duit di atas cukai yang dikenakan, juga kerana pemerintah campur tangan terlalu banyak, dengan sebab itu rakyat memberontak. Begitu juga kenapa rakyat sangat sedikit memikirkan soal kematian? Kerana pemerintah terlalu banyak mengkehendaki kehidupan duniawi. Dengan sebab itu, rakyat mengambil mudah tentang kehidupan. Untuk meneruskan kehidupan, seseorang harus mengetahui dengan lebih baik daripada memberi nilai terlalu banyak terhadap kehidupan. (Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan, 2001 dan www.chebucto.ns.ca/Philosophy.Taichi/lao).

Kongfusianisme; Howard F. Didsbury (1994) pula melihat falsafah Kongfusianisme tidak berminat dalam soal metafizik, pemikir mereka seperti Konfusius, Mencius (371 - 289 SM) dan lain-lain lebih berminat membincangkan soal sosial, politik dan pendidikan. Mereka lebih peka kepada persoalan etika dan hal-hal praktikal berhubung dengan penyusunan masyarakat berdasarkan kepada prinsip moral yang sesuai. Dengan sebab itu, amat sukar mengkaji pandangan Kongfusianisme dalam masalah metafizik, ketuhanan dan kehidupan selepas mati. Perkara inilah menurut Wang Gungwu (1997) yang membezakan Kongfusianisme dengan agama lain, kerana ia amat sedikit menekankan kepada kehidupan spiritual dan menjauhkan diri daripada perbicaraan tentang kehidupan selepas mati tetapi lebih banyak menumpukan kepada dunia, sosial, keluarga dan moral. Apabila ditanya tentang kematian oleh muridnya, Konfusius menjawab "jika kita tidak tahu tentang kehidupan, bagaimana pula kita tahu tentang kematian". Begitu juga beliau pernah berkata "kamu tidak mampu untuk berkhidmat kepada manusia, jadi bagaimana kamu hendak berkhidmat kepada roh?".

Dalam persoalan pemerintahan negara, Kongfusianisme mengemukakan konsep pemerintahan berdasarkan akhlak kemanusiaan, iaitu berdasarkan zhengming; pendidikan akhlak dan ekonomi, kepimpinan teladan, mengawal keinginan nafsu, mematuhi prinsip sosial dan undang-undang negara, meringankan hukuman dan memperkasa sistem pendidikan (Dr. Ubaidullah Mohd Nasir, 2000). Pemerintah yang menggunakan kekerasan dalam pemerintahannya adalah seorang yang gagal sebagai pemerintah, kata Konfusius; "Tugas kamu adalah untuk mentadbir, bukannya untuk membunuh" (Lun Yu). Pemerintah yang memerintah melalui contoh yang baik (de) dan akhlak terpuji akan dapat mengawal diri mereka sendiri dan rakyat (Kelley L. Ross, 2000) serta dapat mempengaruhi rakyat dan menanamkan kesetiaan rakyat kepada pemerintah. Kata Konfusius:

"Jikalau kelakuan pemerintah itu mulia, maka rakyat akan menurut arahnya tanpa paksaan; jikalau kelakuan seseorang pemerintah tidak suci walaupun mengarahkan rakyatnya membuat sesuatu tetapi rakyatnya juga tidak akan menurutnya"

"Jikalau kelakuan seseorang itu adil dan jujur, maka dia tidak akan menghadapi sebarang masalah ke atas pemerintahannya; jikalau tidak boleh menyempurnakan kelakuan sendiri, bagaimanakah hendak membetulkan kelakuan rakyat"

"Menggunakan akhlak untuk membimbing rakyat, menggunakan tatasusila untuk menteladani kegiatan rakyat" (Lun Yu).

Buddha turut melihat kepentingan bernegara. Buddhisme adalah demokrasi dan kebebasan. Dalam ajaran agama Buddha, kenyataan dan ilmu yang diajar bukannya perintah yang mestinya dituruti. Sesiapa yang tidak faham boleh mengemukakan soalnya dan soalan ini akan dijelaskan sehingga mencapai kefahamannya.

3.3 Kecintaan Kepada Keamanan

Semua agama cintakan keamanan. **Islam** mencintai keamanan dan setiakawan sesama manusia tanpa sebarang perbezaan adalah antara ajaran utama setiap agama dunia.

Buddha; Pada 563SM, Siddhartha Gautama Buddha mengemukakan tema yang sama menekankan belas kasihan kepada semua makhluk. Ajaran utama Buddha 'Empat Kebenaran Mulia' mengenai alam iaitu; Penderitaan itu universal (dukkha), Ada punca segala penderitaan (dukkha samudaya), Penderitaan itu boleh diatasi (dukkha nirodha), Ada cara untuk mengatasi penderitaan (dukkha nirodha marga).

Segala penderitaan ada puncanya. Buddha menyebutnya sebagai roda empirik yang mengandungi 12 rangkaian iaitu; kecuaiian (avidya), kecenderungan (samskara), kesedaran tentang kuasa karma (v~nana), nama dan bentuk (nama rupa), lima organ deria dan minda (sadayatana), hubungan antara deria dengan objek (sparsa), sensasi (vedana), nafsu (trnsna), bergantung pada pewujudan (upadana), bertekad untuk lahir (bhava) dan kelahiran (jati). Caranya ialah manusia perlu melepasi Jalan Mulia Lapan Lapis (Noble Eightfold). Jalan tersebut ialah; (samma-ditthi), Fikiran yang Betul (samma-sankappa), Pertuturan yang Betul (samma-vaca), Perbuatan yang Betul (samma-kammanta), Pekerjaan yang Betul (samma-ajiva), Usaha yang Betul (samma-vayama), Kesedaran yang Betul (samma-sati) dan Tumpuan yang Betul (samma-samadhi).

Buddha pernah berkata dalam maksudnya: "Keraguan yang besar akan mendapat lebih banyak pengajaran, keraguan yang sedikit akan mendapat pengajaran yang sedikit, manakala jika tiada keraguan, maka tiada pengajaran yang boleh dicapai. Larangan; tidak membunuh - tidak mengancam nyawa orang lain, tidak mencuri - tidak mengancam harta benda orang lain, tidak berzina - tidak mengancam kesucian orang lain, tidak berbohong - tidak mengancam reputasi orang lain dan tidak meminum arak - tidak mengancam rasional sendiri dan keselamatan orang lain".

Hindu; Dalam ajaran Hindu, Kitab Rig Veda mengungkapkan "Loka Samastha Sukino Bhavantu" (Ucapan doa setiap hari beribadat) bermaksud semoga semua makhluk dunia hidup bergembira dan bebas. Matlamat utama penganut Hindu ialah mencapai Moksha (kebebasan dari putaran kelahiran dan kematian) melalui jalan Raja Yoga (tafakur), Jnana Yoga (ilmu suci kebenaran alam), Bakhti Yoga (cinta kasihkan Tuhan) dan Karma Yoga (akhlak sempurna). Dalam agama Hindu terdapat lima prinsip utama iaitu:Kewujudan Tuhan yang tunggal, Manusia itu suci, Perpaduan melalui percintaan, Harmoni agama, Pengetahuan tentang sungai yang suci, kitab yang suci dan mantera yang suci. Sepuluh disiplin yang bersifat sejagat ialah kejujuran (satya), kesederhanaan (ah imsa), tidak berzina (brahmacharya), tidak merompak (asteya), kesucian (aparigraha), kebersihan (shaucha), kepuasan (santosh), mengaji kitab (swadhyaya), penjimatan (tapas) dan doa (pooja).

Kajian Clifford Geertz (1983) di Jawa dan Bali menunjukkan hal yang sama iaitu masyarakat yang taat beragama Hindu dan hidup soleh memiliki etos kerja yang tinggi. Ini

terbukti kerana beberapa daerah yang terkenal dengan pusat industri, perdagangan dan pertukangan seperti Pekalongan, Kudus, Majalaya adalah daerah-daerah yang majoriti penduduknya terdiri daripada kaum santri (alim). Hal yang sama juga dibuktikan oleh Gerhard Lenski melalui kajiannya di Detroit, Amerika Syarikat.

Dalam **Kristian**; Nabi Isa a.s mengetengahkan ajaran "Thou shall Love thy neighbor as thyself" bermaksud cintailah jiranmu sebagaimana kamu mencintai diri sendiri. Melalui kitab Bible samada Old Testament atau New Testament, ikutan pada *Ten Commandments* menggambarkan akhlak Jesus yang tinggi untuk diikuti. Antara prinsip utama Kristian ialah manusia wajib mencintai Tuhan dan melayan semua manusia secara adil dan hidup bersama aman damai.

Sambutan krismas membawa mesej keamanan sejagat dan memupuk perasaan muhibah untuk semua. Protestan dapat menyumbangkan kemakmuran ekonomi dan industri moden di England dan Eropah Barat. Ini terjadi kerana mereka berpegang pada etika Protestan (*Protestant ethic*) iaitu percaya bahawa Tuhan berharap penganut Kristian yang baik akan bekerja kuat, menabung, melabur, dan menunjukkan inisiatif perniagaan (*the belief that God expects good Christians to work hard, to save, to invest their savings, and to show business initiative*) (Weber, 1930).

Etika Protestan juga memainkan peranan yang penting dalam membentuk pembangunan rakyat Amerika Syarikat ke arah mewujudkan peribadi yang tahan lasak, semangat daya usaha, kegiatan perusahaan dan kejayaan kewangan. Ini kerana, lazimnya agama menggalakkan manusia melaksanakan aspek-aspek yang positif dalam kehidupan.

Konfusiusme; menekankan tema yang sama bagi tujuan keharmonian sejagat (tiada peperangan). Konfusianisme (551~479 SM) menekankan nilai dan sifat moral mulia-perikemanusiaan (*ren*), kesusilaan (*li*), ketaatan kepada ibubapa (*xiao*). Ia merupakan susunan falsafah dan etika yang mengajar bagaimana manusia bertingkah laku. Konfucius menetapkan setiap manusia perlu berusaha menjadi baik. Beliau menekankan kepatuhan kepada nenek moyang dan konsep keseimbangan alam. Perkara yang sama turut ada dalam ajaran Jainisme, Sikhisme, Bahai dan Toisme.

Ajaran Konfucius menekankan aspek mementingkan akhlak yang mulia dengan menjaga hubungan antara manusia di langit dengan manusia di bumi dengan baik. Penganutnya diajar supaya tetap mengingati nenek moyang seolah-olah roh mereka hadir di dunia ini. Konfusianisme telah membangunkan satu bentuk etika yang bersifat kemanusiaan dalam dunia yang berpusat kepada manusia. Bagi Konfusianisme keperihatian yang utama adalah terhadap kehidupan sosial pada masa kini. Persoalan bagaimana untuk

mengharmoniskan kehidupan di dunia adalah asas teoritikal dan praktikal yang perlu diselesaikan. (Prof. Y. King (1997) dalam Dr Abdul Halim (2008))

Segala sesuatu hendaklah bertindak mengikut *zhengming* iaitu kedudukan masing-masing. Pelaksanaan tanggungjawab dan peranan tersebut haruslah pula diasaskan kepada nilai keadilan (*yi*) dan nilai kemanusiaan yang berpaksikan kepada kasih sayang atau kemanusiaan (*ren*). Intisari konsep *ren* ialah *zhong* (taat setia) dan *shu* (memafkan atau mengutamakan orang lain). *Zhong* bererti berusaha sedaya upaya untuk mencapai sesuatu. Sifat ini akan membawa kepada ketaatan atau kepatuhan, saling percaya mempercayai dan pengabdian. Manakala sifat *Shu* (kemaafan) pula membawa makna mengawal perasaan dan keinginan supaya tidak melakukan kepada orang lain sesuatu yang diri sendiri tidak menginginkannya. Sifat ini membawa sifat dermawan, toleransi dan simpati. (Cheng Gek Nai, 1997).

Konsep *ren* merupakan pengendalian hubungan di antara diri kita dengan orang lain. Diri merupakan intisari sebagai titik tolak perhubungan dengan orang lain. Konsep insaf diri membawa dua erti, iaitu insaf kelebihan orang lain sebagai teladan untuk belajar dan insaf keburukan orang lain sebagai iktibar untuk diri kita menjadikannya sebagai sempadan (Dr. Ubaidullah Mohd Nasir, 2000). Kata Konfusius dalam Lun Yu; "Orang mulia mencari kesalahan pada diri sendiri, orang hina mencari kesalahan pada orang lain". Konfusius juga berpegang kepada konsep *ming* atau takdir. Kata Konfusius "manusia agung sentiasa gembira, manusia kecil selalu berdukacita". Pemikiran etika Konfusianisme dipetik melalui kitab-kitab yang dikarangnya seperti kitab Madah (*Shi*), Muzik (*Yue*), adat (*Li*), kitab tentang perubahan (*N*) maupun melalui susunan anak-anak murid beliau seperti Kitab *Analect* atau Lun Yu, *The Great Learning* dan lain-lain. Mengikut Benjamin I. Schwartz (1985), kitab *Analect* banyak mengandungi ajaran sosio-politik yang normatif, perlakuan-perlakuan yang baik, ritual, perayaan dan etika. Aturan etika Konfusianisme adalah berpaksikan kepada Tian (langit/tuhan) atau Dao. Penekannya yang utama adalah konsep terhadap keluarga, kesopanan dan solidarity atau persaudaraan.

Konfusianisme menekankan lima bentuk hubungan (*wu lun*) iaitu; antara pemerintah dengan rakyat, ayah dengan anak, abang dengan adik, sahabat dengan sahabat dan suami dengan isteri. Bagi Konfusianisme, daripada keluarga akan berkembang menjadi masyarakat, seterusnya negara dan dunia. Kesemua konsep etika yang dikembangkannya diasaskan kepada *ren* atau kemanusiaan.

Taoisme; Lao Tze dengan bukunya "The Way and Virtue" mengandungi ajaran: penekanan unsur-unsur primitif untuk mencapai kehidupan yang abadi, Antimaterialisme iaitu penganut diajak meninggalkan hal-hal duniawi supaya memperoleh tempat yang baik pada hari

akhirat dan banyak menggunakan pendekatan batin untuk mewujudkan perpaduan masyarakat.

Ajaran ini menganggap dunia manusia adalah buruk dan menjadi tanggungjawab mereka untuk mengembalikan keharmonian. Konsep asas Taoisme ialah wuwei, iaitu kehidupan yang menekankan ketenangan atau kesederhanaan dan mengelakkan daripada sifat agresif atau kekerasan. Konsep ini bermaksud jangan berbuat sesuatu, tetapi hendaklah mengikut hukum alam. Konsep ini membawa maksud jalan menguasai persekitaran itu adalah melalui cara memahami alam dan seterusnya membentuk satu tindakan yang bersesuaian dengan alam (www.chebucto.ns.ca/Philosophy/Taichi). Ajaran Taoisme diasaskan kepada kehidupan yang mudah, spontan dan falsafahnya memberi tumpuan terhadap penyesuaian manusia terhadap alam. Kecurian, pembunuhan, rompakan dan perang merupakan usaha manusia mengejar benda yang mereka tidak dapat dengan cara baik. Jika manusia tidak mengejar benda-benda tersebut, maka, wujud keamanan secara semula jadi dan tidak perlu kepada kawalan undang-undang. (Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan 2001).

Sikh merupakan kelompok agama minoriti di Malaysia. Ia dianuti oleh sebahagian besar daripada 90 ribu etnik India berketurunan Punjabi di negara ini. Agama **Sikh** banyak menyentuh kod moral dan kerohanian serta semangat kemanusiaan tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan gender dalam masyarakat. Agama Sikh merupakan agama monoteisme dan kepercayaan utama ialah mengenai kewujudan tuhan yang satu, iaitu bersifat nirankar (tidak berbentuk), abadi, amat berkuasa dan manusia tidak dapat menghuraikannya. Penganut Sikh percaya bahawa Tuhan wujud di mana-mana jua dan Tuhan sajalah yang mempunyai segala sifat kesempurnaan.

Gobind Singh (1675-1708) memperkenalkan persaudaraan khalsa bagi tujuan memperkasa identiti Sikh dengan memakai lima simbol utama yang dikenali sebagai 5K, iaitu kesh (rambut panjang), kangha (sikat), kara (gelang besi), kirpan (pedang kecil) dan kachera (seluar jerut). Penganut Sikh dikehendaki menghormati simbol 5K demi kesejahteraan hidup dan penerimaan agama Sikh.

4.0 Pendekatan Menyamakan Fungsionalisme Mengambilkira Fungsi Islam di Malaysia.

Dalam konteks Malaysia, dengan mengfokuskan kepada agama Islam sebagai agama rasmi, ia mengemukakan pelbagai pendekatan ke arah perpaduan yang baik. Pendekatan yang dikemukakan ini boleh dipraktikkan secara strategis atau secara tidak lansung.

4.1 Menghayati Asas Hubungan sosial Islam

Asas hubungan sosial Islam amat mudah tetapi penuh bermakna jika diamalkan. Asasnya ialah saling faham memahami antara satu sama lain, saling bekerjasama, bersaudara, kasih sayang, saling jamin menjamin dan hormat menghormati.

4.2 Mematuhi prinsip Kebebasan Beragama

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ
بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى لَا
أَنْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Bermaksud: "Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."(al-Baqarah 2 :256)

وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ ۗ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَّا أَعْبُدُ ۗ
لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ

Bermaksud: "Saya (orang Islam) tidak beribadat seperti anda (non-Muslim) dan anda tidak beribadat seperti saya (muslim) bagi anda agama anda bagi saya agama saya" (al-Kafirun 109:3-6).

4.3 Mengelakkan Ekstremisme, Chauvanisme dan Fanatisme

Dalam konteks bahasa, Ekstremisme bermaksud melampaui batas keseimbangan apabila mentafsir atau melaksanakan sesuatu peraturan, Chauvanisme pula ialah menganggap cara kumpulan/etnik adalah terbaik, fikiran orang lain mesti ditolak dan ditentang. Manakala fanaticism/membabi buta adalah melaksanakan sesuatu pendekatan sendiri tanpa memperduli pendapat orang lain. Sepanjang pengamatan penulis, semua agama popular dunia menafikan aktiviti ini. Contoh Chauvanisme, ekstrimisme, fanaticisme seperti pembunuhan Indira Ghandi oleh pelampau sikh, Pembunuhan rakyat Palestine oleh rejim Zionis, Peperangan dunia kedua dicetuskan oleh Nazisme-Hitler dan pembersihan etnik di Bosnia. Gejala seumpama ini wujud tanpa mengira bangsa, etnik atau agama.

4.4 Berdialog secara aman dan Bijaksana

Kepelbagaian agama dan kepercayaan perlu dimanfaatkan. Kaedah memanfaatkan kepelbagaian ialah melalui dialog antara agama, mengharmonikan hubungan antara pelbagai komuniti agama dan menangani ekstremisme agama.

Muslim dan non-Muslim hendaklah sentiasa berdialog dan berinteraksi antara satu sama lain. Adab-ada berdialog; menerima pluraliti/jamak agama dan menghormati perbezaan pendapat sebagai fitrah, mengelakan cemuhan budaya,etnik dan agama lain, Bersopan santun dan berbudi bahasa dalam berdialog. Firman Allah SWT:

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لِّئِنَّا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾

Bermaksud: “maka hendaklah anda berkata kepadanya dengan perkataan yang lembut,semoga dengan demikian ia akan sedar dan insaf”(surah Taha 20:44).

4.5 Menerima bahawa semua manusia dari keturunan yang sama (Adam dan Siti Hawa)

Agama Kristian, agama Islam dan beberapa kepercayaan lain, bahkan Yahudipun memperakui bahawa keturunan manusia bermula dengan nabi Adam a.s. Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا
وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ ۗ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ
اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

Maksudnya: Wahai sekalian manusia! bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silatur-rahim) kaum kerabat kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu. (an-Nisa 4:1)

4.6 Satu kemanusiaan Sejagat dan Keadilan sejagat

Kefahaman dan komitmen terhadap isu kemanusiaan yang sama. Manusia amnya menerima kebersamaan nilai samada nilai moral, nilai keagamaan dan nilai kesejagatan seperti konsep “Unity in Diversity”. Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُوْنُوْا قَوّٰمِيْنَ لِلّٰهِ شٰهَدَآءَ بِالْقِسْطِ وَلَا
يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى اَلَّا تَعْدِلُوْا اَعْدِلُوْا هُوَ
اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى وَاتَّقُوا اللّٰهَ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا
تَعْمَلُوْنَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan. (al-Maidah 5:8)

Kerjasama antara budaya memenuhi kebaikan bersama manusia. Antara nilai-nilai moral sejagat seperti: baik hati, berhemah, berbudi, benar, jujur, rajin, kerjasama dan semangat bermasyarakat.

4.7 Aplikasi Adab dan Prinsip-prinsip Islam yang mengikat etnik dan agama.

Adab Pergaulan dalam kehidupan Muslim dan Non Muslim seperti: kemesraan komunikasi, ziarah menziarahi, mengambil berat, saling hormat menghormati seterusnya; menjaga hak-hak jiran, hubungan kekeluargaan sekalipun berlainan agama, memberi saraan nafkah kepada saudara dan jiran non-muslim, adab perbincangan/perbincangan dengan non-muslim dan menziarahi ketika sakit.

Prinsip-prinsip Islam tentang nilai kemanusiaan penghubung kepelbagaian etnik/agama seperti: kebebasan dari sebarang paksaan, penghinaan, perhambaan, kebebasan beragama. Pemufakatan dalam pemerintahan. Keadilan-penghukuman, pengagihan kekayaan, pendidikan dan sebagainya.

4.8 Amalan Konsep kejiranan.

Semangat Kejiranan seharusnya merupakan satu sikap dan tanggungjawab dalam kalangan penduduk agar keharmonian antara etnik sentiasa wujud. Semangat kejiranan yang ingin dipupuk adalah seperti unsur berikut; bangga dan sayang kepada kawasan, kenal mengenali dan tolong menolong, penduduk menganggap sebagai satu masyarakat, bertanggungjawab terhadap keharmonian dan keamanan jiran dan muafakat dalam melaksanakan aktiviti. Konsep penghayatan kejiranan boleh dipraktikkan; hubungan di tempat kerja, di institusi/organisasi, melalui aktiviti sosial, aktiviti rekreasi, kebajikan dan lain-lain lagi.

5.0 Kesimpulan

Dalam konteks Malaysia, rakyat perlu mengambilkira Rukun Negara yang memperuntukkan Kepercayaan kepada Tuhan. Kenapa? Kerana ia secara fungsionalnya mengsejahterakan hidup. Agama dan kepercayaan masyarakat Malaysia; Islam, Kristian, Hindu, Sikh, Buddhisme, Taoisme, Konfusius dan tradisional/animisme/paganisme secara asasnya memenuhi keperluan pemerintahan, kesenian, kewujudan tamadun, sumber nilai moral, pendorong dan pengesahan program pembangunan, penyatuan, semangat kebangsaan dan perpaduan nasional (Shamsul Amri, 2007) .

Bibliografi

Al Quran al-Karim

Abdul Halim Ramli dalam <http://abdulhalimramli.blogspot.com/2008/10/pemikiran-falsafah-klasik-cina-tokoh.html>) berkenaan pernyataan Dr. Ubaidullah Mohd Nasir, 2000 dan Wang Daiyu (1619) bukunya Zhenjiao Zhenquan.

Benjamin I. Schwartz (1985) *The World of Thought in Ancient China*, Harvard University Press.

Cheng Gek Nai, Osman Bakar (1997), *Islam and confucianism a civilizational dialouge*, Kuala Lumpur University Of Malaya Press

Durkheim, E. 1915. *The elementary forms of the religion life* . terj. Joseph Ward Swain, London: Allen & Unwin

Ibn Khaldun, (1967), *The Muqaddimah: An Introduction to History*, Franz Rosenthal, N. J. Dawood, Princeton University Press,

Osman Bakar (1997) *Islam and Confucianism a civilizational dialogue*, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM.

Shamsul Amri, DKK., 2013. *Hubungan Etnik (modul teras IPT)*, Institut Kajian Etnik Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Sivachandralingam Sundara Raja, Ayadurai Letchumanan (2001) *Tamadun dunia*, Ed. 2 Shah Alam, Fajar Bakti

Smith, Wilfred, C. 1963. *Memburu makna agama*. Terjemahan Landung Simatupang. Bandung: Mizan.

S.H Nasr (1997), *Man and Nature: The Spiritual Crisis in Modern Man*, ABC International Group Inc.

Taylor, E.B. 1871. *Primitive culture, research into the development of mythology, philosophy, religion, language, arts and customs*. London: John Murray

Tu, Weiming (pnyt.). (1996), *Confucian traditions in East Asian modernity*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

Weber, M (1930). *The Protestant ethics and the spirit of capitalism*. New York: Scriber. www.chebucto.ns.ca/Philosophy.Taichi/lao